U B756 BAH
HAHATHIR -RUGI

PULAU PINANG, 27 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR HOHAHAD HENGGESA ANGGOTA UHNO HENGELAKKAN PERKARA YANG BOLEH MERUGIKAN PARTI DAN SEBALIKNYA MENUHPUKAN PERHATIAN KEPADA USAHA PERPADUAN, TERUTAHA HENJELANG PILIHAN RAYA.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA ANGGOTA UMNO, ANTARA LAIN, PERLU MENGELAKKAN PERTANDINGAN PADA PERSIDANGAN PERWAKILAN AGAR PARTI TERUS TEGUH DAN BERSATU, KERANA MUNGKIN TIDAK LAHA LAGI AKAN DIADAKAN PILIHAN RAYA.

UMNO BARU SAHAJA PULIH, KATANYA SAMBIL HENAHBAH BAHAWA SETIAP ANGGOTA PERLU HENGHINDARI PERBUATAN YANG BOLEH MEHECAH-BELAHKAN PARTI, SEKURANG-KURANGNYA DALAH HENGHADAPI PILIHAN RAYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BERKATA DEMIKIAN SEHASA MERASMIKAN PERSIDANGAN PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN BALIK PULAU,DI SINI HARI INI.

+KALAU SELEPAS PILIHAN RAYA, ADALAH TIDAK MENJADI MASALAM PERTANDINGAN BERLAKU,TETAPI DALAH TEHPOH INI ANGGOTA UMNO HENDAKLAH MENGELAKKANNYA, KERANA PERKARA ITULAH YANG SATU MASA DAHULU HERUGIKAN PARTI.

+SEANDAINYA BERLAKU PERTANDINCAN DALAH TEMPOH INI, IA BERERTI KITA MUNGKIN MENGHADAPI PILIHAN RAYA DALAM KEADAAN PERPADUAN YANG RETAK DAN PECAH,+ KATANYA. -- LAGI
1550MST 27 08 89

U 8766 BAH
HAHATHIR - RUGI 2 PULAU PINANG

BELIAU JUGA BERKATA, ANGGOTA UHNO PERLU MENGHINDARI KEPENTINGAN DIRI DENGAN HEHATUHI KEHENDAK MAJORITI, KERANA UMNO DITUBUHKAN BUKAN UNTUK KEPENTINGAN TERTENTU TETAPI BAGI MELINDUNGI BANGSA, AGAMA DAN NEGARA.

MENGENAI KUHPULAN SERPIHAN, BELIAU BERKATA, MEREKA SEBENARNYA HANYA BERJUANG UNTUK HEMASTIKAN AGAR UMNO TEWAS DAN PARTI PEHBANGKANG LAIN TERUTAHA PAS DAN DAP MEMENANGI PILIHAN RAYA, SATU TINDAKAN YANG HENURUTNYA AKAN MERUGIKAN BANGSA.

SEBAGAI CONTOH, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR, KUMPULAN YANG' TERDIRI DARIPADA MEREKA YANG KECEWA ITU BERKEMPEN UNTUK HEMASTIKAN KEHENANGAN DAP PADA PILIHAN RAYA KECIL BENTONG MANAKALA DI TELUK PASU BAGI CALON PAS, SEDANGKAN CALON MEREKA SENDIRI SEHASA BERTANDING SENTIASA TEWAS.

BELIAU HENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA SEANDAINYA KUMPULAN SERPIMAN ITU DAPAT HEHBENTUK SEBUAH KERAJAAN CAMPURAN DENGAN DAP DAN PAS, HEREKA TIDAK AKAN HAHPU HEHBERI PERLINDUNGAN KEPADA ORANG HELAYU KERANA IA AKAN TERDIRI DARIPADA SEBUAH KERAJAAN YANG LEMAH.

PAS DAN DAP AKAN HEHBUAT PELBAGAI TUNTUTAN BAGI MEMENUHI KEHENDAK MASING-MASING DAN INI AKAN MEMAKSA KUMPULAN SERPIHAN ITU HEHENUHINYA, KATA BELIAU, YANG BAGAIHANAPUN PERCAYA KUHPULAN ITU TIDAK AKAN DAPAT HEHENANGI PILIHAN RAYA AKAN DATANG.

YANG TURUT HADIRI PADA PERSIDANGAN ITU IALAH MENTERI PENDIDIKAN YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO, ENCIK ANWAR IBRAHIM, DAN NAIB PRESIDEN UMNO DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI. -- BERNAHA
1632MST 27 08 89